

Program *Fast-Track SPM YAPIS-UNISEL* dan Kecemerlangan Pelajar Tahfiz

Mohd Azrin bin Abd Rahim

Faculty of Business, Universiti Selangor, Malaysia

E-mail: azrinrahim@unisel.edu.my

Abstrak

Pelajar lepasan tahfiz di Malaysia secara umumnya dilihat tidak mempunyai peluang untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi setelah mereka selesai menamatkan hafalan al-Quran mereka. Hanya sebahagian kecil yang berminat untuk menyambung ke peringkat pengajian kitab di pondok manakala sebahagian yang lain terus memasuki alam pekerjaan tanpa sebarang kelulusan akademik. Perkara ini menyebabkan masyarakat tidak dapat mengambil manfaat sepenuhnya terhadap mereka. Bagi mengatasi masalah ini, sebuah program fast-track SPM telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Islam Selangor (YAPIS) dengan kerjasama Universiti Selangor (UNISEL). Program yang telahpun memasuki tahun keempat pada 2015 ini telah berjaya membuktikan bahawa golongan ini mampu mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperimana yang diperolehi oleh pelajar aliran konvensional meskipun diberi latihan hanya dalam tempoh sepuluh bulan. Sebahagian besar daripada mereka hanya mendapat pendidikan di tahap sekolah rendah sahaja. Namun begitu, apabila keputusan peperiksaan SPM diumumkan pada tahun 2013 dan 2014, pencapaian mereka dilihat setaraf dengan pelajar yang melalui proses pembelajaran selama lima tahun di peringkat sekolah menengah bahkan ada yang mencapai keputusan yang amat memberangsangkan. Kemampuan mereka memahami subjek-subjek yang diajar dalam tempoh masa yang singkat dilihat mempunyai kaitan dengan kemampuan mereka menghafal al-Quran sebelum mereka mengikuti program fast-track SPM ini. Sekiranya pencapaian ini dapat dikekalkan dan ditambahbaik saban tahun, ia bakal memberi suatu pilihan yang baharu kepada ibu bapa agar menyediakan anak-anak mereka untuk mempelajari dan menghafal al-Quran terlebih dahulu sebelum bakal mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang akademik ke peringkat yang lebih tinggi selepas itu.

In Malaysia, all madrasa-leavers seemed not to get the same opportunity like any other students to pursue their study to a higher level after completing their memorization of Al-Qur'an. Only a small number of them will continue in the religious study in madrasa while others will start working without any academic qualification. As a result, the society will be deprived from getting any benefit from them. In order to provide the solution for this situation, a fast-track program for Malaysia Certificate of Education (MCE) examination is being held by Selangor Islamic Development Foundation (YAPIS) in collaboration with Universiti Selangor (UNISEL). This program which runs into its fourth year in 2015 had successfully proved that these groups of students are capable to achieve excellent result in SPM on par with other students from conventional education system even though they were just being trained for barely ten months. This can be considered as outstanding achievement since most of them were exposed up to primary education only before they entered into this program. The SPM results which were announced in 2013 and 2014 had shown that they achieved the same result as compared to those students in secondary education mainstream. Some even scored with flying colours. Their ability to absorb the subjects being taught in

MCE level in a short period of time might have linked to their ability to memorize the whole Al-Qur'an before joining this program. If such achievement can be maintained and improved year after year, it might seem to be a good alternative for parents to send their children to learn al-Qur'an first before pursuing any opportunity to study in a higher level later.

Kata kunci: Universiti Selangor; Program *fast-track* SPM; UNISMART; Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS)


1 Pengenalan

Program *Fast-Track* SPM YAPIS-UNISEL (UNISMART) merupakan sebuah pusat pendidikan yang menyediakan peluang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kepada pelajar lepasan madrasah atau tahfiz melalui kaedah intensif selama sepuluh bulan sahaja. Setelah menamatkan pelajaran setakat sekolah rendah, golongan pelajar ini kemudian memasuki madrasah tahfiz selama tiga hingga lima tahun sehingga mereka dapat menghabiskan hafalan al-Quran. Secara umumnya, golongan pelajar seperti ini tidak mempunyai halatuju pendidikan yang jelas setelah menamatkan hafalan mereka. Hanya sebahagian kecil sahaja yang menyambung ke peringkat pengajian kitab di mana-mana sekolah pondok manakala selebihnya akan mula memasuki bidang pekerjaan tanpa mempunyai sebarang kelayakan akademik termasuklah menjadi tenaga pengajar di madrasah-madrasah. Bagi yang mempunyai inisiatif sendiri, mereka mendaftar secara individu di tingkatan empat sekolah menengah kerajaan sebagai persediaan untuk menduduki SPM. Atas kesedaran untuk membantu golongan ini mendapat lebih banyak peluang perkembangan diri, Universiti Selangor, dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Islam Selangor telah mengorak langkah proaktif dengan menawarkan sebuah program kepada golongan ini untuk memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia. Sebuah pusat pendidikan yang dinamakan UNISMART telah diwujudkan bagi merealisasikan perancangan tersebut. Seperti dijangka, golongan ini bakal menghadapi cabaran yang sukar dalam mengikuti sukanan pelajaran memandangkan tempoh latihan yang agak singkat iaitu selama sepuluh bulan bagi menguasai sukanan pelajaran peringkat sekolah menengah yang biasanya mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun sebelum menduduki SPM. Justeru dengan meyakini bahawa golongan pelajar yang mampu menghafal al-Quran juga mampu untuk mempelajari bidang akademik, maka program *fast-track* SPM ini mula dilaksanakan mulai 2012. Dengan adanya program sebegini, mereka juga bakal mendapat peluang untuk menyambung pelajaran di peringkat universiti berdasarkan kelayakan yang diperolehi dalam SPM. Sebagai tambahan, bagi melatih mereka untuk berfikir secara analitikal, UNISMART juga mewajibkan pengambilan subjek Matematik Moden dan Matematik Tambahan. Banyak cabaran yang perlu dihadapi dalam menguruskan sebuah pusat seperti ini termasuklah dari segi pengurusan pentadbiran dan kewangan, pengurusan akademik, pengurusan aktiviti dan juga disiplin. Setelah beroperasi lebih tiga tahun, UNISMART dilihat mampu memberikan suatu keyakinan kepada ibu bapa dalam memilih pendidikan alternatif untuk anak-anak mereka iaitu dengan memberikan pendidikan al-Quran terlebih dahulu sebelum mempunyai peluang yang sama seperti pelajar lain untuk menyambung pengajian di peringkat universiti.

2 Latar Belakang Kajian

Memandangkan program seperti ini tidak adalah sangat baharu di Malaysia, tiada kajian terperinci yang boleh diperolehi untuk dijadikan rujukan berkaitan program ini. Oleh itu, kajian

ini dijalankan secara kualitatif untuk melihat sejauhmana kemampuan pelajar tahfiz dalam mengikuti aliran pendidikan arus perdana di Malaysia. Tahun 2012 menyaksikan seramai 70 orang pelajar telah mendaftarkan diri sebagai pelajar kumpulan pertama untuk mengikuti program ini. Bukan sahaja pelajar, bahkan ibu bapa juga agak kurang berkeyakinan terhadap kemampuan program ini dalam memberikan peluang kepada anak-anak mereka untuk berjaya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pandangan mereka ini sememangnya berasas memandangkan rata-rata golongan pelajar seperti ini tidak langsung mempunyai latar belakang pendidikan menengah. Oleh itu, ibu bapa tidak meletakkan harapan yang tinggi terhadap anak-anak mereka. Pihak pengurusan UNISMART juga hanya meletakkan sasaran minimum iaitu sekadar tiga kepujian sahaja bagi setiap pelajar memandangkan ianya adalah syarat minimum untuk memasuki pengajian diploma di peringkat universiti. Namun begitu, selepas melalui program intensif selama sepuluh bulan ini, kejayaan yang dicapai oleh kumpulan pertama ini dilihat lebih daripada yang dijangka. Keputusan SPM yang diumumkan pada Mac 2013 telah membuktikan bahawa golongan pelajar ini boleh mencapai apa yang disasarkan dengan syarat mereka perlu melalui satu latihan intensif yang bersesuaian. Kemampuan mereka ini setaraf dengan golongan pelajar yang mengikuti persekolahan peringkat menengah selama lima tahun. Bahkan ada juga yang menunjukkan kecemerlangan yang di luar jangkaan. Berdasarkan kejayaan tersebut, keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan program ini dilihat semakin meningkat apabila bilangan pelajar yang mendaftar untuk tahun berikutnya iaitu pada tahun 2013 dan 2014 menunjukkan pertambahan secara mendadak. Rajah 1 menunjukkan peningkatan jumlah pelajar yang mendaftar dalam program ini sejak tahun 2012 sehingga 2014.



Rajah 1. Pertambahan Pelajar UNISMART Mengikut Tahun


Untuk tahun 2015, permohonan telah diterima daripada lebih 200 pelajar yang ingin mendaftar bagi program tersebut. Jumlah peningkatan permohonan ini menunjukkan bahawa program ini mempunyai potensi yang sangat baik untuk berkembang pada masa hadapan memandangkan tiada pengiklanan yang dibuat melalui media massa berkaitan pembukaan pengambilan baharu. Berita tersebut hanya tersebar dari mulut ke mulut sahaja. Dengan bilangan pelajar yang bertambah setiap tahun, pengurusan program perlu disusun dengan lebih teratur serta teknik latihan intensif tersebut juga perlu dimantapkan dan ditambahbaik bagi menjamin kecemerlangan yang boleh dicapai oleh mereka. Untuk tahun kedua dan ketiga, beberapa kelemahan dan kekurangan telah dikenalpasti dan usaha telah dibuat bagi mengatasi perkara tersebut. Golongan pelajar yang telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya tiga kepujian telahpun mula memasuki pengajian di universiti sama ada di peringkat diploma ataupun tahun asas.

3 Kajian Sistem Pengurusan UNISMART

UNISMART telah diberi kuasa autonomi dalam menguruskan operasi harian tanpa banyak campur tangan daripada YAPIS dan Universiti Selangor. Dengan cara ini, UNISMART bebas merancang dan memilih gaya pengurusan yang sesuai dengan kehendak persekitaran. Suasana yang unik dengan keperluan mengendalikan golongan pelajar yang meningkat dewasa serta kemampuan kewangan yang agak terhad ternyata begitu mencabar dalam usaha mencapai objektif yang telah digariskan.

3.1 Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan

Dengan jumlah kakitangan yang terhad, UNISMART telah diuruskan dengan sebaik mungkin memandangkan sumber kewangan utamanya adalah daripada yuran pelajar. Antara perbelanjaan utama yang perlu diambil kira termasuklah elaun kakitangan, elaun guru akademik dan juga perbelanjaan makan minum pelajar. Dengan kadar yuran RM300 sebulan untuk tahun pertama dan kedua, ia jauh daripada mencukupi untuk menampung kos operasi dan juga keperluan tambahan yang semakin meningkat. Oleh sebab itu, bilangan kakitangan pentadbiran terpaksa dihadkan seminima mungkin bagi mengurangkan kos pengurusan. Rajah 2 menunjukkan bilangan kakitangan yang berkhidmat di UNISMART.



Rajah 2. Bilangan Kakitangan Berkhidmat di UNISMART

UNISMART masih bergantung kepada sumbangan daripada kerajaan negeri melalui Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) walaupun jumlah bantuan yang diperoleh setiap tahun tidak menentu. Kadar yuran kemudian dinaikkan kepada RM400 sebulan untuk pelajar tahun 2014. Dengan kadar ini, ianya sekadar mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang perlu. Perbelanjaan untuk penginapan pelajar telah dapat dijimatkan memandangkan Universiti Selangor telah menyediakan kemudahan asrama secara percuma untuk program ini sebagai satu tanggungjawab sosial. Jadual 1 adalah anggaran ringkasannya pendapatan dan perbelanjaan untuk menguruskan UNISMART untuk tahun 2013 dengan bilangan pelajar seramai 91 orang.

Jadual 1. Anggaran Kasar Kewangan Tahun 2013

| Bil. | Pendapatan Bulanan | RM | Bil. | Perbelanjaan Bulanan | RM |
|------|-------------------------------|---------------|------|----------------------|------------------------|
| 1. | Yuran pelajar (RM300 x 91) | 27,300 | 1. | Elaun kakitangan | 7,500 |
| | | | 2. | Elaun guru | 13,000 |
| | | | 3. | Belanja dapur | 12,000 |
| | | | 4. | Lain-lain | 2,000 |
| | Jumlah | 27,300 | | Jumlah | 34,500 |
| | | | | | DEFISIT (7,200) |

UNISMART mengalami defisit setiap bulan dengan pendapatan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas. Dengan bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri Selangor kepada sekolah-sekolah agama kerajaan persendirian, UNISMART mampu meneruskan operasinya sehingga ke hujung tahun. Setelah kadar yuran dinaikkan untuk tahun seterusnya, UNISMART berada dalam keadaan lebih selesa dalam menguruskan operasinya. Namun begitu, bilangan kakitangan tetap dikekalkan biarpun bilangan pelajar bertambah mendadak kepada 164 orang. Jadual 2 menunjukkan anggaran kedudukan kewangan UNISMART untuk tahun 2014. Dengan lebihan pendapatan yang diperolehi, aktiviti pelajar dapat dirancang dan dijalankan dengan lebih teratur bagi tahun 2014.


Jadual 2. Anggaran Kasar Kewangan Tahun 2014

| Bil. | Pendapatan Bulanan | RM | Bil. | Perbelanjaan Bulanan | RM |
|------|--------------------------------|---------------|------|---|------------------------|
| 1. | Yuran pelajar (RM400 x 164) | 65,600 | 1. | Elaun kakitangan | 12,000 |
| | | | 2. | Elaun guru | 20,000 |
| | | | 3. | Belanja dapur | 20,000 |
| | | | 4. | Lain-lain (keperluan mengajar, runcit, penyelenggaraan, dll.) | 10,000 |
| | Jumlah | 65,600 | | Jumlah | 62,000 |
| | | | | | LEBIHAN (3,600) |

3.2 Pengurusan Akademik

Memandangkan tahun 2012 merupakan pengambilan pertama, susun atur serta pengurusan akademik lebih kepada percubaan dan eksperimen. Pelajar diwajibkan mengambil sekurang-kurangnya tujuh subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik Moden, Sains, Bahasa Arab, Sejarah, Pengajian Islam. Namun begitu, terdapat sebilangan pelajar yang memilih untuk mengambil subjek Pendidikan al-Quran & Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawwur Islam bagi menggantikan subjek Pengajian Islam. Ini bagi memberi mereka lebih banyak peluang untuk mendapat kepujian berbanding hanya melalui satu subjek iaitu Pengajian Islam. Selain itu, UNISMART juga ingin menguji sejauhmana kemampuan pelajar dalam berfikir secara analitikal berbanding hanya hafalan yang sememangnya telah terbukti akan kemampuan mereka sebelum ini. Oleh itu, subjek Matematik Tambahan juga telah dijadikan sebagai subjek wajib dalam program ini. Pada tahun pertama, tenaga pengajar yang dipilih terdiri daripada bekas guru, guru yang masih berkhidmat serta pensyarah universiti secara sambilan. Kelas akademik diadakan setiap hari dari Isnin hingga Jumaat dengan purata dua jam kontak bagi setiap subjek.

Selain daripada kelas akademik yang rasmi, pelajar juga didedahkan dengan seminar dan bengkel secara berkala yang dibuat pada hujung minggu. Dalam keadaan serba kekurangan dan kurang pengalaman, keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh kumpulan pertama ini dilihat sebagai satu pencapaian yang membanggakan. Rajah 3 menunjukkan peratus kelulusan yang dicapai mengikut subjek untuk SPM tahun 2012.



Rajah 3. Peratus Kelulusan Pelajar Mengikut Subjek

Subjek bahasa dilihat menunjukkan pencapaian yang agak membanggakan memandangkan tempoh sepuluh bulan sebenarnya tidak mencukupi bagi menguasai subjek tersebut termasuk Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Matematik Moden yang merupakan subjek yang rata-rata kurang diminati oleh mana-mana pelajar telah mencatatkan kelulusan lebih 50%. Ini jelas menunjukkan kemampuan yang luar biasa dalam memahami kehendak soalan dan berfikir secara analitikal dalam menghasilkan jalan kerja yang diperlukan. Subjek Sains yang boleh dikuasai secara hafalan telah mencapai keputusan 100%. Seperti dijangka, tidak ramai yang boleh menguasai Matematik Tambahan dalam tempoh yang singkat. Namun begitu, terbukti bahawa ada juga di kalangan mereka yang mampu menguasainya. Subjek-subjek yang berteraskan agama dilihat menjadi peluang terbaik buat golongan pelajar ini dalam memperolehi kepujian secara mudah memandangkan ianya juga boleh dikuasai secara hafalan.

Setelah menilai pencapaian yang diperolehi oleh kumpulan pertama, suatu penambahbaikan telah dibuat bagi membolehkan pencapaian untuk tahun seterusnya dapat dipertingkatkan. Antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil ialah:-

- a) menggunakan khidmat langsung guru-guru berpengalaman yang masih dalam perkhidmatan memandangkan mereka lebih mengetahui penekanan yang perlu diberikan dalam menjawab soalan peperiksaan;
- b) menumpukan kepada latihan menjawab soalan berdasarkan kertas-kertas soalan SPM tahun-tahun sebelumnya;
- c) menambahkan bengkel dan seminar yang berkaitan untuk subjek-subjek tertentu;
- d) mewajibkan semua pelajar mengambil subjek Pendidikan al-Quran & Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Tasawwur Islam bagi menggantikan subjek Pengajian Islam;
- e) Memperbanyakkan bahan bacaan dalam pusat sumber bagi membantu pelajar terutamanya dalam subjek bahasa;
- f) Memperbanyakkan aktiviti kokurikulum pelajar bagi mengisi masa lapang secara positif di samping mengurangkan tekanan emosi kepada pelajar.

3.3 Pengurusan Aktiviti Kokurikulum

Selain daripada memberikan latihan intensif dalam akademik, UNISMART juga tidak meminggirkan keinginan pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum. Pelajar diberi peluang untuk bersukan dan juga mengikuti atau menganjurkan sendiri beberapa pertandingan sama ada di peringkat dalaman maupun luaran. Aktiviti seperti ini dilihat amat membantu pelajar dalam mengurangkan tekanan terutamanya apabila mereka perlu melalui suatu proses pembelajaran yang padat dalam masa yang amat singkat. Pelajar juga dihantar untuk mengikuti kursus kepimpinan bagi membolehkan mereka mendapat pendedahan dalam menguruskan persatuan dan juga peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat. Daripada kursus-kursus tersebut, mereka diminta untuk mengaplikasikan input yang diperolehi dengan cara menganjurkan program rasmi yang diadakan di UNISMART seperti sambutan Hari Guru, sambutan Hari Raya dan juga pertandingan-pertandingan sukan. Pelajar perlu menguruskan sendiri perjalanan program tersebut daripada mula hingga akhir. Peluang sebegini telah menyerlahkan ciri-ciri kepimpinan yang ada pada mereka. Ia juga dapat membentuk mereka menjadi lebih matang terutamanya sebagai persediaan untuk mereka bergerak aktif di peringkat universiti nanti. Jadual 3 menunjukkan sebahagian aktiviti kokurikulum tahunan yang dirancang bagi membolehkan mereka membentuk jati diri serta kepemimpinan selain mengisi masa lapang pelajar sepanjang tempoh pembelajaran mereka.

Jadual 3. Contoh Aktiviti Kokurikulum Tahunan


| Bil. | Tarikh | Aktiviti/Program |
|-------------|--------------------|--|
| 1. | 14 Januari | Sambutan Maulid Nabi Peringkat Negeri Selangor |
| 2. | 1 Februari | Sambutan Maulid Nabi UNISEL |
| 3. | 23 – 24 Februari | Khidmat Masyarakat Muslimin di Masjid Daerah Kuala Selangor |
| 4. | 23 – 24 Februari | Khidmat Masyarakat Muslimah di Asrama Damai Kuang |
| 5. | 3 – 5 Mac | Program SPIES Asas |
| 6. | 16 Mac | Program Jom Imarah Masjid, UNISEL |
| 7. | 16 – 17 Mac | Khidmat Masyarakat II (Masjid & Surau sekitar Kuala Selangor) |
| 8. | 20 – 21 April | Khidmat Masyarakat III (Masjid & Surau sekitar Kuala Selangor) |
| 9. | 24 April | Sambutan Hari Guru UNISMART |
| 10. | 5 – 7 Julai | Rehlah & Riadah d’Pangkor (Muslimin) |
| 11. | Sepanjang Ramadhan | Jemputan sebagai Imam Tarawih di masjid dan surau sekitar Selangor |
| 12. | 25 Julai | Majlis Iftar Bersama Pengurusan UNISEL |
| 13. | 26 – 28 Julai | Program I’tikaf Ramadhan |
| 14. | 23 September | Sambutan Hari Raya |
| 15. | 13 – 15 Sept | Program SPIES Lanjutan |
| 16. | 20 – 22 Sept | Rehlah & Riadah d’Langkawi (Muslimat) |
| 17. | 17 Oktober | Majlis Qurban UNISEL |
| 18. | 22 Oktober | Pertandingan Akhir Futsal Antara Rumah |
| 19. | 1 November | Taklimat Kemasukan ke UNISEL |
| 20. | 2 November | Solat Hajat & Tazkirah sempena SPM |
| 21. | 3 Disember | Majlis Makan Malam Perpisahan |

3.4 Kelas Mengulang Hafalan al-Quran

UNISMART menetapkan syarat minimum 10 juzu' hafalan untuk melayakkan diri mengikuti program ini. Bagi memastikan hafalan al-Quran yang telah dicapai tidak hilang, UNISMART telah menetapkan waktu mengulang hafalan secara harian. Guru yang khas juga disediakan bagi memantau tahap hafalan mereka agar tidak terjejas disebabkan kesibukan dalam mengikuti kelas akademik. Pemantauan ini sangat penting memandangkan hafalan al-Quran memerlukan pengulangan yang berterusan setiap hari. Oleh itu, waktu mengulang hafalan ditetapkan dua jam setiap pagi dan dua jam setiap malam. Pelajar dipasang-pasangkan bagi membolehkan mereka mendengar dan memeriksa bacaan rakan mereka. Terdapat juga pelajar yang menyempurnakan hafalan mereka sewaktu mengikuti program *fast-track* SPM ini.

4 Hasil Kajian

Setelah mengenalpasti dan mengatasi segala kekurangan dan kelemahan kelompok pertama, program ini akhirnya menunjukkan hasil yang positif dalam mencapai objektif yang telah digariskan sebelum ini. Kelompok kedua dan ketiga yang mengikuti program ini dilihat semakin menunjukkan peningkatan dan mencapai keputusan yang lebih baik berbanding pada tahun sebelumnya. Rajah 4 menunjukkan perbandingan pencapaian yang diperolehi untuk tahun 2013 dan 2014.



Rajah 4. Perbandingan Peratus Kelulusan Pelajar Mengikut Subjek Mengikut Tahun

Peningkatan ketara dilihat dalam subjek Matematik Moden. Peningkatan kelulusan hampir 100% menunjukkan bahawa golongan pelajar seperti ini boleh dilatih dalam tempoh yang singkat untuk berfikir secara analitikal. Ia juga dapat dilihat melalui peningkatan peratus kelulusan dalam subjek Matematik Tambahan. Kemampuan hafalan untuk golongan tahfiz pula sememangnya tidak dapat dinafikan. Subjek-subjek yang secara majoritinya memerlukan hafalan seperti Sains, Sejarah dan subjek-subjek agama banyak membantu untuk mereka untuk mengumpulkan lebih banyak kepujian. Melalui keputusan yang diumumkan, ramai pelajar telah mendapat kecemerlangan lebih daripada minimum tiga kepujian yang disasarkan. Ini menunjukkan bahawa golongan pelajar seperti mereka mampu menguasai aliran pendidikan arus perdana dalam tempoh yang singkat biarpun mempunyai latar belakang pendidikan yang minimum. Kemampuan intelektual luar biasa mereka mungkin mempunyai hubung kait dengan sistem pembelajaran al-Quran yang telah mereka lalui sebelum ini.

Jika kaitan ini benar, program seperti ini mampu menjadi alternatif kepada ibu bapa dalam memilih laluan untuk proses pendidikan anak-anak mereka khususnya apabila sampai di

peringkat menengah. Sistem pembelajaran di UNISMART yang lebih memfokuskan kepada peperiksaan juga dilihat menyumbang kepada kecemerlangan akademik mereka. Dengan kekangan masa yang ada, cara pembelajaran mereka tidak mungkin dapat mencontohi corak pembelajaran rakan-rakan mereka di sekolah biasa. Namun, hasil yang dicapai kadangkala dilihat lebih baik berbanding pencapaian pelajar di sekolah harian. Jadual 4 menyenaraikan sepuluh pelajar terbaik UNISMART beserta keputusan yang diperolehi untuk setiap subjek mereka bagi tahun 2014.

Jadual 4. Senarai 10 Pelajar Terbaik UNISMART 2014

| Nama Pelajar | BM | BI | SEJ | MM | SC | BA | AM | TI | PQS | PSI |
|-----------------------------------|----|----|-----|----|----|----|----|----|-----|-----|
| Hafiz Zaini bin Zaini | A+ | B | A+ | A- | A+ | A+ | C+ | A+ | A+ | A+ |
| Mazlida Hazira bt Kamaludin | A | A- | A | A | A+ | A | C+ | A- | A+ | B |
| Muhammad Kamil Ayyub bin Mazlan | A | A | A | A | - | B | A- | - | A- | A+ |
| Muhammad Fadhil bin Abd Razak | A- | C+ | A | A | A | B | B+ | A | A- | A- |
| Siti Safiyyah bt Mohd Diner | A- | B | A | A | A+ | B+ | E | A+ | A+ | A |
| Nurul Sakinah bt Ahmad | A- | D | A | B+ | A | A+ | C+ | A+ | A+ | A |
| Muhammad Azam Ashman bin Ab Jamil | A | C+ | A | A- | A | B+ | E | A | A+ | A+ |
| Fathienah bt Mohd Suhaimi | A- | D | A | B+ | A | A+ | E | A+ | A+ | A |
| Muhammad Murshid bin Zahid | A- | B | A | A | A+ | C | C+ | A | A- | B+ |
| Muhammad Isyraf bin Yazid | A- | D | B | A | A | B+ | C | A- | A+ | A- |

Jika dirujuk kepada jadual di atas, seorang pelajar iaitu Muhammad Kamil Ayyub bin Mazlan tidak mengambil subjek Sains dan Tasawwur Islam disebabkan beliau mengambil subjek Fizik, Kimia dan Biologi sebagai ganti. Beliau mengikuti kelas bimbingan secara khusus untuk subjek-subjek tersebut dan berjaya memperoleh gred “B+” untuk Fizik, gred “B” untuk Kimia dan gred “B+” untuk Biologi. Beliau boleh dikategorikan sebagai pelajar cemerlang memandangkan kemampuan yang luar biasa untuk menguasai subjek sains tulen juga dalam tempoh masa yang singkat.

5 Kesimpulan

Keputusan cemerlang yang dicapai dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia membuktikan golongan pelajar tahfiz secara umumnya mampu digilap dengan baik jika diberi latihan akademik yang sewajarnya. Sistem yang digunakan di UNISMART dilihat telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, dengan terhasilnya kejayaan seperti ini, ibu bapa boleh menarik nafas lega tanpa perlu ragu-ragu lagi dengan halatuju pendidikan anak-anak mereka selepas tamat madrasah. Peluang untuk melanjutkan pelajar ke peringkat universiti terbuka luas buat mereka. Hasil kajian ini juga diharap dapat digunakan untuk mengembangkan lagi program seperti ini secara meluas ke arah menghasilkan lebih ramai profesional agama yang bakal mencorak masyarakat pada masa akan datang. Daripada sini juga boleh diadakan suatu kajian yang lebih khusus untuk menunjukkan hubung kait kadar hafalan al-Quran seseorang pelajar dengan kecemerlangan akademik yang mampu diperolehnya. Kajian juga boleh dibuat untuk menguji sejauhmana keberkesanan sistem yang digunakan di UNISMART boleh diadaptasikan kepada pelajar-pelajar biasa di sekolah harian. Hasilnya diharap dapat digunakan dalam memperbaiki sistem pendidikan menengah di sekolah harian dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan akademik.

Penghargaan

Terima kasih diucapkan kepada Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) dan Universiti Selangor (UNISEL) kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui program ini sebagai Mudir dari tahun 2013 hingga 2014. Sekalung penghargaan juga ditujukan buat UNISEL di bawah program tanggungjawab sosial korporat yang membantu menyediakan peluang belajar untuk pelajar tahfiz serta ruang untuk YAPIS menjalankan program ini. UNISEL juga telah membuka peluang seluas-luasnya buat pelajar lepasan UNISMART untuk menyambung pengajian di UNISEL dalam apa jua bidang yang ingin diceburi.

Rujukan

- Abdul Wahab, R., & Hassan, J. (2010). *Tahap kecerdasan intelek, emosi dan spiritual: Satu tinjauan terhadap pelajar-pelajar tahfiz di daerah Kuala Terengganu*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiple Abd. Ghani & Abdul Ghafar Don. (2005). *Pendidikan Islam di Malaysia: Dari pondok ke universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Sulayman, A. H. (1999). From Islamization of knowledge to Islamization of education. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 16(2).
- Ahmad, R. (1998). Educational development and reformation in Malaysia: past, present and future. *Journal of Educational Administration*, 36(5), 462-475.
- Ashraf, S. A. (1985). *New horizons in Muslim education*. Cambridge: Hodder & Stoughton.
- Ibrahim, H. (2007). *Sistem pengurusan dan maklumat akademik Madrasah Tahfiz al-Iman (MTI)*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Mahar Abdul Haq. (2003). *Educational philosophy of the holy Quran*. Delhi: Adam Publishers & Distributors.